

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KESEBELAS  
21 MEI 2007**

**PERKARA : 5(B)(I)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
Y.B. ENCIK WONG MUN HOE**

1. Untuk projek-projek sambungan dan projek-projek baru di bawah RMK-9, sila senaraikan prestasi mereka dari segi peratusan mengikut jabatan dan agensi Kerajaan untuk tahun 2005 dan 2006.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Jumlah keseluruhan projek yang diluluskan di bawah RMKe-9 sebanyak 1,125. Dari jumlah tersebut sebanyak 203 projek ialah projek sambungan dan sebanyak 922 projek merupakan projek baru. Dalam usaha memastikan kesemua projek ini dilaksanakan mengikut jadual, kerajaan negeri sentiasa membuat pemantauan mengikut bulanan. RMK-9 bermula pada tahun 2006 dengan jumlah projek yang dilaporkan ialah 1,007 projek yang mana 761 daripadanya ialah projek baru dan baki 246 baki projek lagi adalah merupakan projek sambungan.

Bagi kedudukan pelaksanaan fizikal projek tahun 2006, sebanyak 241 projek daripada 1,007 projek masih dalam status belum mula manakala baki 766 projek adalah berstatus dalam Pelaksanaan. Sehingga Disember 2006, sebanyak 222 projek daripada 766 projek dalam pelaksanaan adalah projek sambungan dan baki 544 projek lagi merupakan projek baru. Selain itu, untuk projek dalam pelaksanaan juga, sebanyak 641 projek atau 83.68% telah siap. Dari jumlah 641 projek yang siap itu pula, 162 daripadanya merupakan projek sambungan dan 479 lagi adalah projek baru. Bagi projek

belum mula (241 projek), sehingga Disember 2006 sebanyak 24 projek adalah projek sambungan dan baki 217 projek lagi adalah projek baru.

Jumlah jabatan/agensi yang mengemukakan laporan bagi projek sambungan dan baru adalah sebanyak 37 buah. Penilaian telah dibuat ke atas jabatan/agensi di Negeri Pulau Pinang dalam usaha melaksanakan projek tersebut. Bagi projek sambungan didapati sebanyak 25 jabatan/agensi telah mencapai tahap pencapaian perbelanjaan melebihi 90% dan sebanyak 12 jabatan mencapai di bawah 90%. Bagi projek baru, sebanyak 16 jabatan/agensi menunjukkan pencapaian perbelanjaan melebihi 90%, sebanyak 4 jabatan/agensi menunjukkan prestasi di bawah 90% dan 17 jabatan/agensi lagi tidak mengemukakan sebarang peruntukan dan perbelanjaan kerana kesemua projek tersebut adalah di peringkat dalam perancangan. Perincian lanjut bagi mana-mana projek sambungan dan projek baru spesifik mengikut jabatan/agensi boleh dirujuk kepada Pejabat Pembangunan Negeri.